

## **BAB KEDUA**

### **PEMERIAN HURUF ARAB**

#### **2.0 Pengenalan**

Fonetik ialah pengkajian dan analisis bunyi berasaskan proses artikulatori termasuk juga pemindahan dan penerimaan bunyi tanpa merujuk kepada apa-apa bahasa di dunia secara khusus ( Nor Hashimah bte Jalaluddin, 2000 : 88 ).

Seperti mana yang kita ketahui, ulama Arab lebih mendahului ulama Barat dalam pengkajian fonetik. Al-Qur'an al-Karim yang dibaca dengan kaedah-kaedah tertentu merupakan sumber utama kajian fonetik di dalam bahasa Arab. Pengkajian mengenai ciri-ciri ilmu suara yang dinamakan ilmu fonetik telah mula tumbuh di dalam bahasa Arab dengan kedatangan Islam yang membawa kitab suci al-Qur'an al-Karim ( Mohd. Zaki bin Abd. Rahman, 2002 : ii ).

Alexandar Bell ( t.th ), seorang tokoh Barat telah mencipta sistem tulisan dan mengulangi pembacaannya dengan istilah singkatan kata iaitu sistem yang dikenali dengan “ *Visible speech* ” ( الْكَلَامُ الْمَرْتَبِيُّ ) dan Henry Sweet ( 1989 ) juga telah mencipta suatu sistem tulisan yang dinamakan “ *International Phonetic Alphabet* ” ( الْأَبْجَدِيَّةُ الصَّوْتِيَّةُ الدَّوَلِيَّةُ ), ( Muḥammad ‘Arabiyy Aḥmad al-Qana:wiyy, 1998 : 117 ).

Bertil Malmberg (1968), seorang ahli fonetik Perancis telah mendefinisikan fonetik sebagai pengkajian bunyi-bunyi bahasa. Bagi Malmberg, fonetik ialah

pengkajian yang lebih memberatkan pelahiran bahasa, bukan kandungannya. Maknanya apa yang dipentingkan ialah bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan dan bukannya makna yang cuba disampaikan ( Nor Hashimah Jalaluddin, t.th : 3 ).

Abercrombie (1971), berpendapat ilmu fonetik ialah ilmu yang bersifat teknikal. Dalam ilmu ini sesuatu bahasa akan dilihat secara analitis, iaitu tidak sahaja mendengar percakapan tetapi menginsafi gerakan jasmani yang melatarinya ( Nor Hashimah Jalaluddin, t.th : 10 ).

Dalam bab kedua ini penulis akan membincangkan tentang pemerian huruf-huruf al-Qur'an al-Karim merangkumi makhraj huruf, sifat-sifat huruf dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya. Penulis juga akan kemukakan faktor-faktor yang membawa kepada kesukaran dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim bagi saudara baru serta kebaikan dan keburukannya beserta contoh.

## **2.1 Makhraj Huruf**

Makhraj atau dikenali juga dengan daerah artikulasi ialah tempat terbentuknya sebutan sesuatu huruf di organ pertuturan. Ia terjadi apabila berlaku pertemuan di antara dua organ pertuturan semasa udara melintas. ( Mohd Zaki bin Abd. Rahman, 2002 : 3 ).

Seperti yang telah diketahui, ulama Arab berbeza pendapat dalam penentuan bilangan makhraj huruf. Pendapat yang dipersetujui mengenai makhraj huruf iaitu terbahagi kepada tujuh belas. Antara mereka yang berpendapat makhraj huruf ada tujuh

belas makhraj ialah Khali:l bin Aḥmad, Makkiyy bin Abu: Ṭa:lib, Abu al-Qa:sim al-Hazli:y dan Abu: al-Ḥasan Shurayh. (‘Abd al-Fatta:h Maḥjub, t.th : 29-30 ).

Menurut pendapat al-Khali:l bin Aḥmad dan kebanyakan ahli Qira:’a:t dan ulama’ nahu antaranya Ibn al-Jaza:ryy jumlah bilangan makhraj yang umum atau utama terbahagi kepada lima bahagian iaitu : ( Lihat ‘Abd al-Fatta:h Maḥjub, t.th : 29-30, Lihat Abdul Qadir Leong, 2005 : 11-16 ).

1- Bahagian rongga mulut dan rongga kerongkong ( الجَوْفُ )

2- Bahagian kerongkong ( الحَلْقُ )

3- Bahagian lidah ( اللِّسَانُ )

4- Bahagian bibir mulut ( الشَّفَتَانُ )

5- Bahagian hidung ( الخَيْشُومُ )

Kemudian, bahagian yang lima telah dipecah-pecahkan kepada tujuh belas makhraj iaitu seperti berikut :

1. Makhraj pertama : Dari rongga kerongkong hingga rongga mulut. Huruf yang keluar dari rongga ini ialah huruf mad *ali:f* ( ا ), *wa:w* ( و ) dan *ya:’* ( ي ). Ia juga digelar huruf lingkungan udara ( هَوَائِيَّة ) kerana ketiga-tiga huruf ini berakhir dengan hembusan udara daripada paru-paru melalui saluran udara

kerongkong hingga rongga mulut atau digelar huruf lingkungan rongga ( جَوْفِيَّة )

2. Makhraj kedua : Pangkal kerongkong keluar daripadanya huruf *hamzat* ( ء ) dan *ha:*' ( هـ ).
3. Makhraj ketiga : Tengah kerongkong, keluar daripadanya huruf '*ayn* ( ع ) dan *ha:*' ( ح ).
4. Makhraj keempat : Hujung kerongkong (*sebelah atas dekat lingkungan anak lidah* ), keluar daripadanya huruf *ghayn* ( غ ) dan *kha:*' ( خ ).

Keenam-enam huruf ini *hamzat* ( ء ), *ha:*' ( هـ ), '*ayn* ( ع ), *ha:*' ( ح ), *ghayn* ( غ ) dan *kha:*' ( خ ) juga digelar huruf lingkungan kerongkong ( حَلْقِيَّة ) kerana huruf-huruf ini keluar daripada lingkungan kerongkong.

5. Makhraj kelima : Pangkal lidah, apabila pangkal lidah diangkat ke langit-langit lembut ditekankan pada anak lidah, keluar daripadanya huruf *qa:f* ( ق ).
6. Makhraj keenam : Pangkal daun lidah terkeluar sedikit daripada makhraj huruf *qa:f* ( ق ), keluar daripadanya huruf *ka:f* ( ك ).

Kedua-dua huruf ini *qa:f* ( ق ) dan *ka:f* ( ك ) juga digelar huruf lingkungan anak lidah ( لَهَوِيَّة ) kerana keluarnya dari lingkungan tersebut.

7. Makhraj ketujuh : Pertengahan daun lidah, apabila ia diangkat menekan pada langit-langit keras, kemudian tekanan udara keluar daripadanya terjadilah tempat keluar huruf *ji:m* ( ج ), *syi:n* ( ش ) dan *ya:'* ( ي ). Ketiga-tiga huruf ini juga digelar huruf lingkungan pertengahan daun lidah ( شَجَرِيَّة ) kerana keluarnya dari lingkungan tersebut.
8. Makhraj kelapan : Sepanjang tepi lidah yang ditekankan pada geraham atas, sebelah kiri atau sebelah kanan, keluar daripadanya huruf *da:d* ( ض ). Ia adalah makhraj huruf yang paling susah disebut, ia juga digelar huruf lingkungan tepi lidah ( جَانِبِيَّة ) kerana keluarnya dari lingkungan tersebut.
9. Makhraj kesembilan : Tepi hujung lidah, apabila ia diangkat ke langit-langit keras menekan pada gusi gigi depan sebelah atas yang menjadi tempat sekatan udara, kemudian menekan udara yang berada dalam rongga mulut keluar daripada sekatan, maka keluar daripadanya lafaz bunyi *la:m* ( ل ).
10. Makhraj kesepuluh : Tepi hujung lidah, apabila diangkat ke langit-langit keras menekan pada gusi gigi depan sebelah atas (*berdekatan dengan makhraj la:m*) yang menjadi tempat sekatan udara, dan langit-langit lembut diturunkan, kemudian menekan udara yang berada dalam rongga mulut dan keluar melalui mulut dan hidung, maka keluar daripadanya lafaz bunyi *nu:n* ( ن ) yang berdengung.
11. Makhraj kesebelas : Tepi hujung lidah berdekatan dengan makhraj huruf nun serta melencung ke belakang tepi hujung lidah, keluar daripadanya huruf *ra:'* ( ر ). Ketiga-tiga huruf ini *la:m* ( ل ), *nu:n* ( ن ) dan *ra:'* ( ر ) juga digelar huruf

lingkungan tepi hujung lidah ( ذَلْقِيَّة ) kerana keluarnya dari lingkungan tersebut.

12. Makhraj kedua belas : Hujung lidah yang diangkat menekan pada gusi gigi gunting atas, keluar daripadanya huruf *ṭa:’* ( ط ), *da:l* ( د ) dan *ta:’* ( ت ). Cuma tekanan udara pada makhrajnya yang berlainan menyebabkan sebutan huruf itu kuat atau lemah, di antaranya huruf *ṭa:’* ( ط ) yang paling kuat, berikutnya huruf *da:l* ( د ). Ketiga-tiga huruf ini juga digelar huruf lingkungan langit-langit keras ( نَطْعِيَّة ) kerana keluarnya daripada langit-langit keras ( *bahagian gusi gunting atas*) dengan tekanan hujung lidah padanya.

13. Makhraj ketiga belas : Hujung lidah yang ditekankan pada belakang gigi gunting bawah, di antara bahagian depan lidah dan langit-langit keras, keluar daripadanya huruf *ṣa:d* ( ص ), *si:n* ( س ), dan *za:y* ( ز ). Cuma tekanan udara pada makhrajnya yang berlainan menyebabkan sebutan huruf itu kuat atau lemah. Antaranya huruf *ṣa:d* ( ص ) yang paling kuat, Berikutnya huruf *za:y* ( ز ). Ketiga-tiga huruf ini juga digelar huruf lingkungan hujung lidah ( أَسْلِيَّة ) kerana keluarnya daripada lingkungan tersebut.

14. Makhraj keempat belas : Hujung lidah yang dikeluarkan terletak di antara hujung gigi gunting bawah, di mana tekanan hujung lidah pada hujung gigi gunting atas , keluar daripadanya huruf *ẓa:’* ( ظ ), huruf *dha:l* ( ذ ) dan *tha:’* ( ث ). Cuma tekanan udara pada makhrajnya yang berlainan menyebabkan sebutan huruf itu kuat atau lemah, di antaranya huruf *ẓa:’* ( ظ ) yang paling kuat, berikutnya huruf *dha:l* ( ذ ).

Ketiga-tiga huruf ini juga digelarkan huruf lingkungan gusi ( لَثَوِيَّة ) kerana keluarnya daripada hujung lidah dan kawasan hujung gigi gunting atas.

Daripada makhraj kelima hingga keempat belas ( *sebanyak sepuluh makhraj* ), keluar daripadanya sebanyak lapan belas huruf, semuanya dikira daripada bahagian lidah.

15. Makhraj kelima belas : Bibir mulut dalam sebelah bawah diangkat mengenai hujung gigi gunting atas, keluar daripadanya huruf *fa:’* ( ف ).

16. Makhraj keenam belas : Dua bibir mulut apabila dibulatkan muncung ke hadapan secara terbuka, keluar daripadanya huruf *wa:w* ( و ), dan apabila dua bibir dirapatkan secara ringan, keluar daripadanya huruf *ba:’* ( ب ) dan *mi:m* ( م ). Keempat-empat huruf ini *fa:’* ( ف ), *wa:w* ( و ), *ba:’* ( ب ) dan *mi:m* ( م ) juga digelarkan huruf lingkungan bibir mulut ( شَفَوِيَّة ) kerana keluarnya daripada lingkungan tersebut.

17. Makhraj ketujuh belas : Pangkal hidung, apabila tepi hujung lidah diangkat ke langit-langit keras menekan pada gusi gigi depan sebelah atas yang menjadi tempat sekatan udara dan langit-langit lembut diturunkan, kemudian menekan udara dari paru-paru melalui rongga kerongkong, langit-langit lembut dan masuk ke hidung dan keluar, maka keluarlah daripadanya bunyi dengung ( *sengau* ) dari huruf *nu:n* ( ن ).

Apabila dua bibir mulut ditutup menjadi tempat sekatan udara dan langit-langit lembut diturunkan, kemudian menekan udara keluar dari paru-paru melalui rongga kerongkong, langit-langit lembut dan masuk ke hidung dan keluar, maka keluarlah daripadanya bunyi dengung bagi huruf *mi:m* ( م ). Hanya huruf *nu:n* ( ن ) dan *mi:m* ( م ) yang bersifat dengung. ( Lihat ‘Abd al-Fatta:h Maḥju:b, t.th : 29-30, Lihat Abdul Qadir Leong, 2005 : 11-16 ).

## 2.2 Sifat-sifat Huruf

Seperti yang kita sedia maklum bahawa bunyi-bunyi huruf dalam bahasa Arab berbeza dari satu dengan yang lain iaitu terdiri dari pelbagai irama hasil daripada gerakan organ pertuturan dan laluan udara ketika menuturkannya. Demikianlah ia tersusun mengikut ciri-ciri dan sifat-sifat tertentu. Ulama terdahulu menjadikan ciri-ciri bunyi pada huruf sebagai menyatakan perihal sifat-sifat huruf iaitu seperti mahmus, majhur, berdesis dan lain-lain lagi sifat yang akan dinyatakan untuk panduan kita. ( Muḥammad ‘Izzat Aḥmad al-Qana:wiyy, 1989 : 206 ).

Sifat huruf adalah salah satu cabang dari aspek tajwid dalam pembacaan al-Qur’an al-Karim. Ia merupakan ciri yang menjelaskan perihal sesuatu huruf. Melalui sifatnya, seseorang individu mampu membezakan di antara satu huruf dengan huruf lain sama ada sebutan huruf itu melantun, berdesis, tertahan dan sebagainya. Keadaan sebutan seseorang akan menggambarkan perihal huruf tersebut .

Keistimewaan memahami sifat huruf ini ialah sebagai pelengkap kepada makhraj huruf. Apabila seseorang itu mengetahui sifat huruf, dia akan dapat



membezakan lafaz sebutan huruf yang sama pada makhrajnya. Tambahan pula, kita akan dapat mengecam huruf sama ada ia kuat atau lemah, huruf yang dituturkan secara tebal atau nipis berdasarkan sifat yang ada padanya.

Selain itu, sifat huruf juga membantu memperkemaskan ketepatan sebutan sesuatu huruf supaya dapat dilafazkan dengan betul, terutamanya bagi huruf yang hampir sama sebutannya seperti huruf *ta:’* ( ط ) dengan *ta:’* ( ت ), huruf *da:d* ( ض ) dengan *da:l* ( د ), huruf *sa:d* ( ص ) dengan *si:n* ( س ), huruf *za:y* ( ذ ) dengan *za:’* ( ظ ), huruf *ha:’* ( ح ) dengan *ha:’* ( ه ), huruf *hamzat* ( ء ) dengan *‘ayn* ( ع ) dan huruf *ka:f* ( ك ) dengan *qa:f* ( ق ).

Terdapat sebanyak sembilan belas ( 19 ) sifat utama yang dilabelkan kepada huruf-huruf bahasa Arab. Sepuluh daripadanya adalah sifat-sifat yang berlawanan secara berpasangan, iaitu majhur lawan mahmus, letupan lawan geseran, menurun lawan menaik, infitah lawan itbaq dan ismat lawan dhalaqah.

Selebihnya tidak bercirikan berlawanan iaitu neutral, geluncur, lantunan, desis, sengauan, afrikat, berhamburan, berulang dan melencung. Di sini diterangkan takrif bagi setiap sifat tersebut ( Lihat Mohd Zaki bin Abd. Rahman, 2002 : 5-8, Lihat Muḥammad ‘Izzat Aḥmad al-Qana:wiyy, 1989 : 206-213 ).

#### 1- Majhur

Sifat majhur bagi ahli bahasa moden dilihat dari segi pita suara yang terletak ditenggorok bergetar semasa penyebutan berlaku. Ahli bahasa silam melihatnya dari

segi udara yang kuat digunakan dan nafas tersekat semasa penyebutan. Dalam bahasa Arab sifat ini dipanggil majhu:r ( مَجْهُور ). Antara huruf yang bersifat majhur ialah za:i ( ذ ) dan da:l ( د ).

## 2- Mahmus

Sifat mahmus disisi ahli bahasa moden dilihat dari segi pita suara yang terletak ditenggorok tidak bergetar semasa penyebutan berlaku. Ahli bahasa silam melihatnya dari segi tekanan udara yang agak lemah digunakan dan nafas tidak tersekat semasa penyebutan. Dalam bahasa Arab sifat ini dipanggil mahmu:s ( مَهْمُوس ). Huruf-huruf yang bersifat mahmu:s ialah ta:’ ( ت ), tha:’ ( ث ), ḥa:’ ( ح ), kha:’ ( خ ), ṣa:d ( ص ), si:n ( س ), ka:f ( ك ), fa:’ ( ف ) dan ha:’ ( ه ) dan dihimpun menjadi ( سكت فحثة شخص ).

## 3- Neutral

Sifat neutral diperkenalkan oleh ahli bahasa moden bagi menyatakan sifat kepada hamzat. Ia merujuk kepada keadaan kedua-dua pita suara yang bertemu rapat dan menyekat laluan udara, kemudian melepaskannya dengan kuat sehingga berbunyi seperti letupan. Dalam keadaan sedemikian tidak timbul persoalan sama ada pita suara bergetar atau tidak. Dalam bahasa Arab ia dipanggil muḥa:yid ( مُحَايِد ).

#### 4- Letupan

Sifat letupan disisi ahli bahasa moden dilihat dari segi dentuman udara kuat yang dilepaskan oleh dua organ pertuturan sebaik sahaja bertemu rapat ketika penyebutan berlaku. Ia dipanggil infija:riyy ( إِنْفِجَارِي ) dalam bahasa Arab. Ada pun ahli bahasa silam mereka melihat dari segi suara yang tersekat semasa penyebutan dan memberi istilah syadi:d ( شَدِيد ) kepadanya. Contoh bagi sifat ini ialah ka:f ( ك ).

#### 5- Geseran

Sifat geseran berlaku bila dua organ pertuturan bertemu secara tidak rapat yang membolehkan udara melepasi celah kedua-duanya dengan menghasilkan bunyi desiran (dalam bahasa Arab disebut ḥafi:f ( حَفِيف ) ) akibat daripada pergeseran di antara udara dengan organ-organ tersebut. Sifat ini digelar ihtika:kiyy ( إِحْتِكَائِي ) dalam istilah moden dan rikhw ( رِكْحَو ) dalam istilah silam. Contoh bagi sifat ini ialah ha:’ ( ه ).

#### 6- Geluncur

Sifat ini berlaku bila udara dilepaskan secara perlahan semasa penyebutan tanpa mengeluarkan bunyi desiran seperti yang berlaku kepada ‘ayn ( ع ), wa:w ( و ) dan ya:’ ( ي ), atau udara yang tersekat di makhraj keluar semula di tempat yang sama beberapa kali seperti yang berlaku kepada ra:’ ( ر ), atau pun udara keluar di kawasan lain sebagaimana yang terjadi semasa menyebut la:m ( ل ), mi:m ( م ) dan nu:n ( ن ). Ia digelar ma:i’ ( مَائِع ) dalam istilah moden dan mutawassiṭ ( مُتَوَسِّط ) dalam istilah silam.

## 7- Menurun

Sifat ini merujuk kepada keadaan tengah dan pangkal lidah yang duduk mendatar di dasar mulut semasa penyebutan berlaku. Ia dipanggil istiḥāḥ ( اسْتِيفَال ) dalam bahasa Arab. Antara huruf yang mempunyai sifat ini ialah ta:’ ( ت ).

## 8- Menaik

Ia merujuk kepada keadaan bahagian belakang lidah yang terangkat ke arah langit dan bahagian hadapannya mendatar ketika penyebutan. Sifat ini dipanggil isti’lā:’ ( اسْتِعْلَاء ) dalam bahasa Arab. Huruf yang mempunyai sifat ini ialah kha:’ ( خ ), ṣa:d ( ص ), ḍa:d ( ض ), ṭa:’ ( ط ), ḡhayn ( غ ) dan qa:f ( ق ). Jika dihimpunkan kesemua huruf ini menjadi ( خص ضغط قظ ).

## 9- Itbaq

Sifat itbaq ialah suatu keadaan di mana belakang lidah terangkat ke arah langit, bahagian tengah lidah menurun dan bahagian depannya menaik ke kawasan gusi. Sifat ini adalah khusus bagi empat huruf iaitu ṣa:d ( ص ), ḍa:d ( ض ), ṭa:’ ( ط ) dan ḡhayn ( غ ). Ia disebut iṭḡba:q ( إِطْبَاق ) dalam bahasa Arab

## 10- Infitah

Sifat ini bermaksud lidah tidak berkeadaan melengkung seperti ketika menyebut huruf yang bersifat itbaq. Dalam bahasa Arab ia disebut infitaḥ ( انْفِتَاح ) yang

bermakna terbuka. Huruf-huruf yang terlibat ialah selain daripada huruf-huruf yang bersifat itbaq.

#### 11- Dhalaqah

Dhalaqah menjadi sifat kepada huruf-huruf yang dianggap paling ringan penyebutannya. Ia terdiri daripada enam huruf iaitu fa:’ ( ف ), ba:’ ( ب ), mi:m ( م ), ra:’ ( ر ), nu:n ( ن ) dan la:m ( ل ). Kesemua huruf ini jika dihimpunkan menjadi ( مر بنفل ) Dalam bahasa Arab ia disebut dhala:qa:t ( ذَلَّاقَةٌ ). (Muhammad ‘Izzat Ahmad al-Qana:wiyy, 1989 : 213 ).

#### 12- Ismat

Sifat ismat merupakan sifat yang dikira berat dari segi penyebutan. Jadi setiap perkataan Arab tidak boleh dibina hanya dengan huruf ismat, bahkan ianya hendaklah diselangi dengan mana-mana huruf dhalaqah yang bersifat ringan. Dalam bahasa Arab ia disebut iṣma:t ( إِصْمَاتٍ ). Huruf-huruf selain daripada yang bersifat dhalaqah, semuanya dikira bersifat ismat. Contohnya si:n ( س ) dan dha:l ( ذ ).

#### 13- Lantunan

Sifat lantunan dipanggil qalqalat ( قَلْقَلَةٌ ) dalam bahasa Arab. Lantunan terjadi semasa penyebutan huruf yang bersifat majhur dan letupan, di mana sebutan baris matinya akan disusuli oleh bunyi baris ( vokal ) yang ringan dan udara menjadi

bergelombang dengan kuat. Huruf-huruf tersebut ialah ba:’ ( ب ), ji:m ( ج ), da:l ( د ), ta:’ ( ط ) dan qa:f ( ق ). Kesemua huruf itu dihimpun menjadi kata ( قطب جد ).

#### 14- Desis

Desis iaitu bunyi tambahan yang keluar di antara dua bibir mulut diumpamakan seperti bunyi burung ( صَفِيرُ الطَّائِرِ ). Sifat ini merujuk kepada udara yang tertekan keluar dengan laju melalui lauan sempit di antar dua organ pertuturan. Ianya digelar safi:r ( صَفِير ) dalam bahasa Arab. Contoh bunyi desis ialah semasa penyebutan huruf si:n ( س ).

#### 15- Sengauan

Sengauan berlaku semasa penyebutan huruf yang mengeluarkan udara melalui rongga hidung. Dalam bahasa Arab sifat ini digelar ghunnat ( غُنَّة ). Huruf yang tergolong dalam sifat ini ialah nu:n ( ن ) dan mi:m ( م ).

#### 16- Afriket

Sifat afrikat disebut ta‘ti:sy ( تَعْطِيش ) dalam bahasa Arab. Ia merupakan cantuman letupan-geseran. Sebutannya bermula dengan letupan dan berakhir dengan geseran. Timbulnya keadaan sedemikian disebabkan perpisahan di antara dua organ yang menghasilkan letupan semasa penyebutan ( iaitu bagi ji:m ج ) adalah lebih lambat jika dibandingkan dengan semasa penyebutan huruf-huruf bersifat letupan yang lain.

## 17- Berhamburan

Sifat berhamburan adalah khusus untuk syi:n ( ش ). Ia dipanggil tafasysyi: ( تَفَشِّي ) dalam bahasa Arab. Semasa penyebutan huruf ini, lidah melebar dan terangkat ke arah langit yang menyebabkan udara terpancar luas serta mengeluarkan bunyi desis.

## 18- Berulang

Sifat berulang adalah khusus bagi ra:' ( ر ). Ia bermaksud bahagian depan lidah bergetar semasa penyebutan dengan membuat paluan bertalu-talu ke arah gusi. Sifat ini dipanggil tikra:r ( تَكْرَار ) dalam bahasa Arab.

## 19- Melencung

Melencung atau inhira:f ( إِخْرَاف ) dalam bahasa Arab ialah sifat khusus bagi la:m. Semasa menyebut la:m ( ل ), udara yang menghadapi gangguan di permukaan lidah, keluar melencung melalui tepi lidah.

Berikut ialah jadual yang menunjukkan huruf-huruf yang terlibat dengan sifat-sifat tersebut ( Mohd Zaki bin Abd. Rahman, 2002 : 19-21 ).

Jadual 2.1 : Sifat-sifat Huruf

Bil	Sifat-sifat huruf	Huruf terlibat
1	Majhur	ع غ ق ج ز د ذ ء و ي ض ر ن ل ط ظ ب م
2	Mahmus	ح خ ك ش س ت ث ه ق ش ض ص ط ف
3	Letupan	ء ح ق ك ض ط د ت ب
4	Geseran	ه ح غ خ ش ض ز س ص ظ ذ ث ف
5	Menaik	ق ص ط ظ غ خ ض
6	Menurun	ك س ت ذ ء ه ع ح و ج ش ي ر ن ل ز د ث ف ب م
7	Infitah	س ت ذ ء ه ع ح غ خ ق ك و ج ش ي ر ن ل ز د ث ف ب م و
8	Itba'	ص ط ظ ض
9	Ismat	ء ه ع ح غ خ ق ك و ج ش ي ض ز س ص ط د ت ظ ذ ث
10	Dhalaqah	ر ن ل ف ب م
11	Neutral	ء
12	Geluncur	ع و ي ر ن ل م و
13	Lantunan	ق ج ط د ب
14	Desis	ش ز س ص
15	Sengauan	ن م
16	Afrikat	ج
17	Berhamburan	ش
18	Berulang	ر
19	Melencung	ل



Sebutan huruf seseorang akan menjadi kurang sempurna jika mereka tidak dapat membezakan di mana sepatutnya lokasi bagi huruf-huruf al-Qur'an al-Karim dan sifat-sifat huruf itu sendiri. Hal ini penting bagi mendapat sebutan huruf yang betul.

### **2.3 Langkah Meringankan Sebutan**

Memandangkan saudara baru adalah golongan yang baru memeluk Islam dan mempunyai banyak kelemahan terutamanya dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim, maka sudah tentu menghadapi pelbagai masalah ketika menutur huruf-huruf tersebut. Oleh itu, penulis berpendapat bahawa langkah meringankan sebutan adalah merupakan aspek yang perlu dinyatakan sebagai panduan untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran.

Jika dilihat kepada aspek ini, ia akan memberi serba sedikit pengetahuan untuk saudara baru sebagai panduan dan gambaran ketika belajar al-Qur'an al-Karim khususnya dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim. Saudara baru akan mengetahui apa yang akan mereka lakukan jika huruf yang bersifat majhur berdamping dengan huruf yang bersifat mahmus, maka huruf yang manakah perlu didahulukan. Hal ini demikian akan mendorong saudara baru lebih mudah belajar dan sentiasa bersikap positif dalam pembelajaran.

Apabila dua huruf berdekatan makhraj berdampingan di dalam satu kata khususnya huruf di lokasi rongga tekak, maka langkah yang diambil bagi meringankan sebutannya ialah dengan mendahulukan huruf yang kuat dihadapan huruf yang lemah.

Ini disebabkan huruf yang kuat adalah lebih tinggi tarafnya dan memerlukan nafas yang lebih untuk disebut berbanding dengan huruf yang lemah.

Oleh itu ia sesuai didahulukan memandangkan penutur lebih bertenaga semasa mula-mula menyebut huruf pertama dalam sesuatu perkataan. Sebagai contoh kita lihat keadaan berikut :

- 1) Sekiranya *hamzat* ( ء ) berhimpun dengan *ha:*' ( ه ), *ha:*' ( ح ), *kha:*' ( خ ) dalam satu kata, maka *hamzat* didahulukan seperti أَهْلَ ( berkahwin), أَحَدٌ (tunggal), أَخَذَ (mengambil). Dalam kalangan empat huruf ini, *hamzat* ( ء ) bersifat letupan dan yang tiga lagi bersifat geseran.
- 2) Bila 'ayn ( ع ) yang bersifat majhur berdamping dengan yang *ha:*' ( ه ) bersifat mahmus, maka 'ayn ( ع ) di kedepankan. Contohnya عَهْدَ ( menaruh janji), عَهْرَ (berbuat jahat), عَهَنَ (tetap dan berterusan).
- 3) Bila *kha:*' ( خ ) yang bersifat menaik dan 'ayn ( ع ) yang bersifat menurun bertemu maka *kha:*' ( خ ) diletakkan dihadapan seperti نَخَعَ (memperakukan).
- 4) Jika *ra:*' ( ر ) dan *la:m* ( ل ) berhimpun, *ra:*' ( ر ) yang bersifat berulang akan mendahului *la:m* ( ل ) yang bersifat melencong. Misalnya وَرَلٌ (sejenis biawak pasir). ( Mohd Zaki bin Abd. Rahman, 2002 : 34 ).

Berdasarkan penerangan yang telah dijelaskan, penulis berpendapat langkah meringankan sebutan huruf al-Qur'an al-Karim dapat direalisasikan dalam pengajian al-Qur'an al-Karim bagi saudara baru. Secara tidak langsung ia menjadi panduan kepada mereka bagaimana sesuatu huruf itu disebut jika mereka mengalami kesulitan. Melihat kepada beberapa contoh yang telah diberikan, adalah perlu bagi seseorang individu melakukan sesuatu perkara daripada yang mudah kepada yang susah.

## **2.4 Kesimpulan**

Seseorang individu yang belajar al-Qur'an al-Karim dikatakan tidak sempurna jika tidak tahu tentang perihal makhraj dan sifat-sifat huruf al-Qur'an al-Karim lebih lagi saudara baru. Kedua-dua aspek ini iaitu makhraj dan sifat huruf saling berkait antara satu sama lain dalam menentukan penyebutan huruf yang betul. Jika dilihat kepada makhraj huruf, ia memberi kesan penyebutan huruf yang betul kepada penutur kerana makhraj merupakan tempat keluar huruf.

Bagi saudara baru yang tahu akan lokasi kedudukan huruf akan lebih mudah menyebut huruf al-Qur'an al-Karim berbanding saudara baru yang tidak tahu di mana lokasi sebenar huruf itu.

Sifat huruf merupakan kesinambungan daripada makhraj huruf. Saudara baru akan lebih jelas menyebut sesuatu huruf al-Qur'an al-Karim apabila mengetahui sifat-sifat huruf tersebut. Contohnya jika huruf ta: ( ت ) dituturkan mengikut makhraj tetapi tidak mengikut sifatnya, maka sebutan huruf tersebut menjadi kurang sempurna. Berlainan pula jika saudara baru yang tahu makhraj dan sifat huruf akan menyebut

huruf ta:’ ( ت ) dengan betul. Justeru itu, makhraj dan sifat huruf merupakan aspek penting dalam pengajian al-Qur’an al-Karim khususnya penyebutan huruf al-Qur’an al-Karim.